

Pemasyhuran Malaysia:

Perjalanan Menuju Kemerdekaan dan
Pembentukan Sebuah Negara
Berdaulat

Latar Belakang Penubuhan Malaysia

Pemasyhuran Malaysia dan perjalanannya menuju kemerdekaan sebagai negara berdaulat menunjukkan perkembangan sejarah yang unik, di mana negara ini terbentuk melalui rundingan antara pemimpin-pemimpin negeri yang berkesepakatan pada tahun 1963. Diilhami oleh peranakan British dan dipengaruhi oleh faktor geopolitik, Malaysia mewarisi struktur pentadbiran yang serupa sambil membangun identiti merdeka yang mencerminkan kepelbagaian budaya, bahasa, dan agama di kalangan rakyatnya.



Persetujuan Pemimpin dan Rakyat



Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 melibatkan persetujuan yang penting antara pemimpin dan rakyat dari beberapa dasar politik yang berbeza di wilayah ini. Sabah, Sarawak, dan Singapura bersedia untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam satu kesatuan baru yang dikenali sebagai Malaysia. Persetujuan ini bukan sahaja melibatkan pemimpin politik malah turut diperkukuhkan dengan sokongan majoriti rakyat melalui konsensus yang diperolehi melalui Suruhanjaya Cobbold. Keputusan untuk bersatu berakar umbi dalam sejarah bersama di bawah pemerintahan British serta persamaan dalam struktur pentadbiran dan perundangan yang menyediakan asas untuk integrasi yang berkesan. Perjanjian ini menjadi titik tolak penting dalam sejarah Malaysia yang menggariskan perjalanan ke arah perpaduan negara berbilang budaya, menjadikan Malaysia contoh negara yang hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bersatu padu walaupun kaya dengan kepelbagaian.

Watikah Pemasyhuran



Tempat dan Tarikh


- Pemasyhuran Malaysia berlangsung di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, pada 16 September 1963.
- Tarikh ini dipilih untuk menandakan penyatuan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak sebagai satu negara baru yang dikenali sebagai Malaysia.

Penandatanganan Utama

- Dokumen tersebut ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.
- Penandatanganan ini mewakili persetujuan dan kesepakatan dari pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.

Isi Dokumen

- Dokumen Pemasyhuran mengisytiharkan pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat.
- Ia juga menetapkan perlindungan terhadap hak-hak asasi rakyat serta kedaulatan raja-raja Melayu sebagai bahagian penting dari struktur politik dan perlembagaan baru negara.



Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan



Dokumen asal Pemasyhuran Malaysia yang berukuran 74.5cm x 50cm dan diperbuat daripada kulit kambing yang ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dalam tulisan Jawi dan Bahasa Inggeris.



Dokumen ini adalah pernyataan kemerdekaan yang penting sebagai tanda pembebasan politik daripada pihak penjajah.



Pemasyhuran ini juga bermakna kita tidak lagi dijajah atau dikuasai oleh orang lain dan kita bebas menentukan bentuk pemerintahan mengikut acuan dan hala tuju negara kita sendiri.

Faktor-faktor Pembentukan Malaysia



Menjamin Keselamatan Negara

- Singapura dan Sarawak hadapi ancaman komunis.
- Komunis berusaha menjadikan Sarawak sebagai sebuah negara komunis.
- Persekutuan Tanah Melayu telah mempunyai pengalaman dalam menghadapi ancaman komunis.

Memajukan Sosioekonomi

- Meningkatkan permintaan pasaran barangan tempatan.
- Dapat menarik pelabur luar.
- Memajukan taraf hidup rakyat.

Mencapai Keseimbangan Kaum

- Pembentukan Malaysia membentuk keseimbangan kaum.

Singapura Dan Malaysia Berpisah

Pisahanya Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965 merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Malaysia yang berikut adalah ringkasannya:



Teks Pemasyhuran Malaysia oleh **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** pada 16 September 1963



Teks Pemasyhuran Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 16 September 1963 adalah seperti berikut:

"Dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, segala puji-pujian bagi Allah tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad dan bagi sekalian keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Bahawasanya oleh kerana suatu perjanjian yang diperbuat pada sembilan hari bulan Julai tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura maka telah dipersetujui bahawa hendaklah disekutukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa persekutuan itu hendaklah dinamakan 'MALAYSIA'.

Dan bahawasanya oleh kerana pihak-pihak dalam perjanjian yang tersebut telah bersetuju bahawa mulai daripada penubuhan Malaysia maka Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah tamat daripada menjadi jajahan takluk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tiada lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa dalam ketiga-tiga buah negeri itu:

Dan bahawasanya oleh kerana telah dimasyhurkan suatu perlembagaan bagi Malaysia yang akan menjadi kanun yang muktamad di dalamnya:

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah diadakan syarat bagi menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan-keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan bagi menggalakkan keamanan dan kemesraan di dalam Malaysia sebagai kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan dan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen:

Dan bahawasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah disahkan oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan Parlimen United Kingdom maka telah berjalanlah kuat kuasa perlembagaan itu pada Enam Belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Yang di-Pertua Negara Sabah dan Yang Terutama Gabenor Negeri Sarawak dengan ini mengisytihar dan memasyhurkan bagi pihak umat Malaysia bahawa mulai daripada Enam Belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga bersamaan dengan Dua Puluh Lapan hari bulan Rabiulakhir tahun Hijrah seribu tiga ratus lapan puluh tiga, Malaysia yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan izin dan kehendak Allah Rabbul Alamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.

t.t Tunku Abdul Rahman Kuala Lumpur. Perdana Menteri Enam Belas hari bulan September, 1963"

Sumber:



<https://pustakailmu.arkib.gov.my/index.php/ms/pustaka-ilmu/imbasan-fakta/pemasyhuran-malaysia-lahirnya-sebuah-negara>



https://www.facebook.com/KementerianPertahanan/posts/dokumen-pemasyhuran-kemerdekaan-1957-telah-ditulis-dalam-dua-bahasa-iaitu-dalam-/4570224966321649/?locale=ms_MY



<https://www.slideshare.net/slideshow/pembentukan-malaysia-sejarah-tahun-6/66492238#23>

Terima Kasih »»»»